



**KENYATAAN RASMI**  
**26 Januari 2022**

## **PR1MA SERAH KUNCI KEPADA PEMBELI RESIDENSI PULAU SEBANG, MELAKA**

---

MELAKA, 26 Jan – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini menyerahkan kunci kepada 949 pembeli kediaman Residensi Pulau Sebang, Melaka di sini hari ini. Projek yang siap dibina di Alor Gajah, Melaka ini merangkumi 972 unit kediaman rumah teres dan fasiliti komuniti dengan nilai pembangunan kasar berjumlah RM160 juta.

Majlis ini diadakan setelah projek Residensi Pulau Sebang ini menerima certificate of completion (CCC) pada 1 Oktober 2021 dan pemilikan kosong dilakukan bermula pada 17 Januari 2022. Projek yang dibina di atas tanah seluas 99.85 ekar ini menawarkan kediaman rumah teres setingkat dengan keluasan 1,212 kaki persegi dan rumah teres dua tingkat dengan keluasan 1,805 kaki persegi.

Sejajar dengan aspirasi menjayakan agenda Malaysia yang Berdaya Huni, Residensi Pulau Sebang ini dilengkapi dengan pelbagai fasiliti seperti dewan serbaguna, taman permainan, taska, tadika dan surau untuk kemudahan penduduk setempat. Residensi ini terletak berdekatan jajaran Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya AMJ untuk memberikan akses mudah kepada penduduk untuk ke Bandaraya Melaka.

YB Dato' Sri Reezal Merican dalam ucapannya menekankan agenda utama KPKT iaitu Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia sebagai komponen utama dalam hala tuju pada tahun 2022 berlandaskan kepada Tiga Falsafah Asas iaitu Merawat keresahan rakyat; Membina keyakinan rakyat dan Menepati Ekspektasi Rakyat.

Beliau menyatakan bahawa KPKT telah merangka **tindakan pelaksanaan yang lebih tersusun** melalui inisiatif **HOME OWNERSHIP PROGRAMME (HOPE)** yang melihat ekosistem perumahan secara menyeluruh, bukan sahaja dari segi penyediaan perumahan yang kondusif, malahan termasuk juga pembiayaan perumahan. Selain itu, KPKT juga telah mengumpulkan **panel-panel berkepakaran** khusus dalam soal perumahan ini untuk melihat model baharu pembiayaan yang dapat membantu rakyat mendapat akses kepada pemilikan kediaman.

Beliau turut menyatakan komitmen KPKT dalam memastikan semua projek perumahan yang dilaksanakan di bawah KPKT seperti PR1MA, SPNB dan PPAM dapat dilaksanakan dengan baik seperti mana dihasratkan.

---

Majlis penyerahan kunci di Residensi Pulau Sebang ini telah dihadiri YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka, YB Datuk Zaidi bin Attan serta kepimpinan tertinggi PR1MA diketuai Pengerusi PR1MA Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya dan Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Hj. Mohd Nazri bin Md. Shariff.

Dalam pada itu, **Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya, Pengerusi PR1MA** berkata pandemik COVID-19 telah memberikan pelbagai cabaran kepada PR1MA dalam menyiapkan projek-projek di bawah PR1MA termasuklah di Residensi Pulau Sebang ini.

“Pelbagai cabaran dan rintangan yang kami lalui di dalam proses pembinaan. Namun begitu, kami sedaya upaya berusaha menyelesaikan masalah-masalah ini agar para pembeli tersenyum gembira mendiami rumah pertama mereka. Saya berharap, impian mereka untuk memiliki rumah telah tercapai dengan penyerahan kunci hari ini.”

Sehingga kini, terdapat enam projek perumahan PR1MA di Melaka yang telah siap dan sedang dibangunkan. Projek yang telah siap dibina ialah Residensi Melaka Tengah 1, Residensi A'Famosa 1 dan Residensi Pulau Sebang.

Sementara itu, **Datuk Hj. Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA** berkata meskipun pelbagai rintangan dihadapi oleh PR1MA terutamanya dalam tempoh PKP, namun sebagai sebuah agensi Kerajaan, PR1MA akan terus mendukung aspirasi Kerajaan dalam menjayakan pemilikan rumah selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

“Antara aspek yang dititikberatkan adalah untuk memudahkan rakyat Malaysia dihubungkan secara digital. Kesemua kediaman di bawah projek PR1MA dilengkapi dengan kemudahan internet jalur lebar menerusi PR1MAComm, yang merupakan sebuah anak syarikat milik penuh PR1MA. Ini adalah selari dengan aspirasi Kerajaan di bawah aspirasi Malaysia yang Berdaya Huni dan Jalinan Digital Negara (JENDELA),” katanya.

Untuk pengetahuan, rangkaian jalur lebar PR1MAComm akan mula beroperasi di Residensi Pulau Sebang mulai Februari 2022 selari dengan penyerahan kunci kepada pembeli yang sedang aktif dijalankan.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman sesawang PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

-TAMAT-

---